

27 AUG 1996

Mahathir-Sarawak

KEJAYAAN BN DI SARAWAK PETANDA BAIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kejayaan Barisan Nasional (BN) Sarawak memenangi 19 kerusi tanpa pertandingan untuk pilihan raya negeri kali ini adalah satu petanda baik walaupun ia tidak dapat menubuhkan kerajaan pada hari penamaan calon hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata beliau khuatir kemenangan besar BN pada penamaan calon hari ini akan menyebabkan pengundi mengambil sikap sambil lewa dan tidak keluar mengundi kerana mereka berpendapat bahawa tanpa mengundipun BN akan kembali berkuasa.

"Hal ini penting. Saya khuatir kalau menang terlangsung (terlalu) banyak, ada orang (pengundi) yang berpendapat BN (sudah) menang dan kita patutlah bagi satu atau dua kerusi pada pembangkang walaupun pembangkang tak berguna.

"Jadi kita sedar ada pemikiran seperti ini di kalangan kita dan kerana kita (BN) tak menangpun menjadi satu kebaikan kepada kita. Ini bermakna pengundi akan keluar beramai-ramai membuang undi," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekembalinya dari lawatan kerja empat hari ke China.

Suruhanjaya Pilihanraya mengumumkan petang ini bahawa BN telah memenangi 19 kerusi tanpa pertandingan. Dewan Undangan Negeri Sarawak mempunyai 62 kerusi, enam daripadanya kawasan baru.

Ketika ditanya sama ada kejayaan BN setakat ini merupakan satu petanda baik untuk BN menerajui kerajaan negeri, Dr Mahathir berkata: "Saya tak fikir dengan tak begitu banyak kerusi yang dimenangi tanpa bertanding, kemungkinan BN tak jadi (bentuk) kerajaan amat kecil. Jadi dari segi itu ia 'good sign' (petanda baik)."

Ketika ditanya apakah faktor yang menyebabkan BN Sarawak memenangi banyak kerusi tanpa pertandingan, Perdana Menteri berkata sebenarnya tidak ada isu di Sarawak.

beliau berkata kerajaan BN Sarawak telah menjalankan tanggungjawabnya dengan penuh keikhlasan untuk membangunkan negeri itu.

"Kita dapat lihat betapa negeri Sarawak sekarang ini begitu pesat pembangunannya...Kemudahan-kemudahan moden diadakan walaupun di tempat-tempat terpencil. Pelancongan bangun dengan pesat dan sekarang ini industri yang canggih juga sudah sampai ke Sarawak," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata kejayaan kerajaan BN membangunkan Sarawak tidak bermakna bahawa kerajaan BN akan alpa dengan kejayaannya itu.

"Kita sedar bahawa kita mempunyai tanggungjawab dan dengan itu kita tidak lupa walaupun kita (BN) dipilih semula," kata beliau.

--BERNAMA

ES MAI